

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Ketosteril*
2. Bagaimana *Ketosteril* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Ketosteril*
4. Cara menggunakan *Ketosteril*
5. Semasa menggunakan *Ketosteril*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Ketosteril*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Ketosteril*

*Ketosteril* digunakan untuk mencegah dan merawat kerosakan buah pinggang yang disebabkan oleh gangguan metabolisme protein dalam penyakit buah pinggang kronik. Ia adalah lebih berkesan dengan diet rendah protein (40 g / hari atau kurang untuk orang dewasa). *Ketosteril* biasanya diberikan kepada mereka yang mempunyai kadar penapisan glomerular (GFR) 5-15ml / min.

## Bagaimana *Ketosteril* berfungsi

*Ketosteril* boleh membekalkan asid amino dan mengurangkan penghasilan urea (sejenis bahan buangan badan) dan membantu menurunkan tahap kreatinin (satu lagi jenis sisa badan) dan urea nitrogen dan pada masa yang sama meningkatkan status nutrisi.

Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin maklumat lanjut.

## Sebelum menggunakan *Ketosteril*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil *Ketosteril* jika anda:

- Mengandung, merancang untuk mengandung atau mungkin hamil.
- Menyusukan anak
- Hipersensitif kepada bahan-bahan aktif atau kepada mana-mana bahan lain dalam ubat ini.
- Mempunyai kandungan kalsium yang tinggi dalam darah
- Mempunyai metabolisme asid amino terganggu

Sila bincang dengan doktor anda jika anda mempunyai apa-apa masalah yang

dinyatakan di atas sebelum mengambil *Ketosteril*

### - *Sebelum mula menggunakan*

Oleh kerana *Ketosteril* mengandungi phenylalanine, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *Ketosteril* jika anda mempunyai masalah *phenylketonuria* secara keturunan

### - *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Antara ubat yang boleh berinteraksi dengan *Ketosteril* ialah:

- Ubat-ubatan yang mengandungi kalsium
- Aluminium hidroksida
- Tetracycline (sejenis antibiotik)

Jika anda tidak pasti, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda kerana mereka akan mempunyai senarai yang lebih lengkap dan terperinci mengenai ubat yang boleh berinteraksi dengan *Ketosteril* jika diambil bersama-sama.

## Cara menggunakan *Ketosteril*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Secara amnya, dos biasa ialah 4 - 8 tablet tiga kali sehari diambil semasa makan.

Dos ini adalah untuk orang dewasa yang mempunyai berat badan 70kg.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Ketosteril*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Ketosteril*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Menghadiri semua temu janji yang diberikan oleh doktor anda belia mungkin perlu menyemak tahap kalsium dan fosfat dalam darah.

Sila berbincang dengan doktor anda jika terdapat perubahan dalam pengambilan diet atau kalori anda.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Ketosteril* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, *Ketosteril* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Pesakit mungkin mengalami hiperkalsemia (kandungan kalsium dalam darah tinggi).

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan *Ketosteril***

- Penyimpanan

Simpan pada suhu bilik tidak melebihi 25°C, di tempat yang sejuk kering. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Jangan gunakan tablet *Ketosteril* selepas tarikh tamat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi

anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

*Ketosteril* adalah tablet bersalum filem yang berwarna kuning dan gloss sutera.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif	
Histidine	38 mg
Tyrosine	30 mg
Threonine	53 mg
Tryptophan	23 mg
dl-Methionine, Calcium Salt	59 mg
dl-Isoleucine, Calcium Salt	67 mg
Leucine, Calcium Salt	101 mg
Lysine Acetate	105 mg
Phenylalanine, Calcium Salt	68 mg
Valine, Calcium Salt	86 mg

- Bahan tidak aktif

Maize starch, crospovidone, talc, colloidal anhydrous silica, magnesium stearate, macrogol 6000, quinolone yellow, basic butylated methacrylate copolymer, triacetim, titanium dioxide, povidone.

- Nombor MAL

MAL19913332A

**Pengilang**

Beijing Fresenius Kabi Pharmaceutical Co. Ltd.,  
No. 2, Shuangqiao East Rd.,  
Chaoyang District, , Beijing 10024  
China

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Fresenius Kabi Malaysia Sdn. Bhd  
3-1 & 3-2, Axis Technology Centre,  
Lot 13 Jalan 51A/225,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

09/10/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)081015/00353